

BERITA PEJABAT AUDIT DALAM

6/2023

Nurul Wahidah Abdullah

KEJOHANAN SUKAN ANTARA STAF 2023



Selasa, 26 September 2023

DURIAN TUNGGAL: Seorang Staf Pejabat Audit Dalam, Muhammad Fahmi bin Harun (dua dari kiri) telah berjaya menjadi Johan dalam Sukan Elektronik *Mobile Legend Bang Bang* (MLBB) dalam Kejohanan Sukan Antara Staf (SUTAF) 2023 yang berlangsung pada 26 September 2023 di Perpustakaan Laman Hikmah, UTeM.

Beliau yang mewakili pasukan Tun Fatimah telah berjaya menewaskan pasukan Tuah di peringkat akhir *best of 3* dengan keputusan 2-0. Dua pasukan ini juga pernah bertemu di peringkat akhir *best of 5* dalam SUTAF 2022 yang berkesudahan pasukan Tuah memenangi acara tersebut dengan skor 3-0.

Kemenangan ini telah menyumbang emas bagi kontingen Tun Fatimah seterusnya berjaya menjadi Naib Johan keseluruhan Kejohanan SUTAF dengan pingat terkumpul 3 emas, 4 perak dan 1 gangsa.

Pejabat Audit Dalam UTeM mengucapkan syabas dan tahniah!

